

**LAPORAN INISIATIF INOVASI
(NAMA AGENSI: RISDA)**

BIL.	PERKARA
	Nama Inisiatif Inovasi : Sangkar Daun Getah Terapung – Sangkar Dedi
1.	<p>Latar Belakang Ringkas Inisiatif Inovasi</p> <ol style="list-style-type: none">a. Membuat bunga hiasan dari daun getah telah menjadi bidang keusahawanan oleh Wanita Pekebun Kecil RISDA bagi meningkatkan pendapatan mereka.b. Urat daun getah kering kini berharga antara RM 300-350 sekilogram dan bagi mendapatkan seberat satu kilogram urat daun kering Wanita Pekebun Kecil terpaksa memproses 30 kilogram daun getah basah.c. Proses mendapatkan urat daun getah mengambil masa yang lama di mana daun getah terpaksa direndam berbulan-bulan dan dalam proses pereputan ini akan menghasilkan bau yang sangat busuk. Buat masa ini, tiada alatan yang dapat menyelesaikan masalah berkenaan.d. Sangkar Dedi dicipta bagi membantu memudahkan dan mempercepatkan pereputan daun getah yang mana urat-urat daun getah ini akan dijadikan bunga hiasan dan kraftangan yang amat menarik. Pada kebiasaannya daun getah mengambil masa selama 6 - 8 minggu untuk reput tetapi dengan inovasi pereputan daun, alat ini dapat mempercepatkan pereputan daun kepada 2 minggu.

BIL.	PERKARA
2.	<p>Kumpulan Sasar dan Skop Liputan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Wanita Pekebun Kecil - untuk meningkatkan pendapatan b. Usahawan /Pengusaha kraftangan – untuk dijadikan cenderahati c. Orang persaorangan – untuk majlis perkahwinan, acara rasmi dll
3.	<p>Objektif/Tujuan</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Mempercepatkan pereputan daun getah b. Mengelakkan bau busuk semasa proses pereputan c. Memudahkan kerja-kerja rutin memproses pereputan daun d. Menjimatkan kos utiliti e. Mempercepat dan memperbanyakkan hasil daun kering f. Menjaga mutu dan kualiti hasil yang konsisten
4.	<p>Penerangan mengikut kriteria AIPM seperti berikut:</p>
	<p>(a)Kreativiti</p> <p>Inovasi ini dapat mempercepatkan proses pereputan, dapat menjimatkan tenaga kerana daun direndam kemudian dilepaskan ke dalam sungai atau kolam dengan tempoh rendaman hanya 2 minggu di mana cara konvensional mengambil masa 6 – 8 minggu.</p>
	<p>(b)Keberkesanan</p> <p>Sangat berkesan, menjimatkan masa, air dan tenaga wanita di samping memelihara alam sekitar yang sihat serta tidak berbau busuk selain tidak menjadi tempat nyamuk bertelur berbanding merendam daun dengan menggunakan tangki.</p>

BIL.	PERKARA
	<p>(c) Signifikan</p> <p>Pengusaha mendapat hasil lebih cepat dan lebih banyak dengan menggunakan Sangkar DEDI berbanding menggunakan tangki rendaman biasa.</p>
	<p>(d) Relevan</p> <p>Proses menghasilkan daun getah kering sangat mudah diurus, bersih, cepat dan tiada bau yang kurang menyenangkan. Dengan adanya inovasi ini diharap dapat menarik lebih ramai kaum wanita mengusahakan daun getah yang kini harganya telah meningkat kepada RM 350.00 sekilogram.</p>

Nota : Nyatakan penjelasan secara ringkas dan padat. Boleh masukkan juga maklumat tambahan yang difikirkan perlu. Untuk inisiatif inovasi yang berlainan, sila gunakan template jadual yang berasingan.